



BULETIN MPSPK

Edisi 2020 Vol 1

KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA

Edaran Percuma

www.mpspk.gov.my

SEMINAR AHLI BERKUASA TEMPATAN BAGI PENGGAL 2020 - 2021

19-21 Julai 2020 | Aloft Langkawi, Pantai Tengah

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
Sungai Petani Municipal Council



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

Anjuran :

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

INSTITUT PENGURUSAN DAN JUMLAH GRIWA NEGERI KEDAH DARUL AMAN
MAJLIS PERBAIKAN DAN PELANCONGAN



08 Lawatan YAB MB Kedah ke Tanjung Dawai



12 Program Pengkomposan Sisa Baja Organik



15 Skudai Sanitasi Bahagian
Inspektorat MPSPK

EDITORIAL

Pengerusi/Penaung
Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin
AMK.,BCK.,ASK.,
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat
Sunita binti Abdul Aziz
AMK., BCK.,
Setiausaha, MPSPK

Editor
Faten binti Sobri
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan
BPAK

Arahan Seni & Fotografi
Armin Anuar



08 Lawatan YAB Menteri Besar Kedah ke Tanjung Dawai



10 Seminar Ahli Majlis PBT Negeri Kedah



MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Jalan Patani,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel 04-4296666
Faks 04-4296655/56
Aduan 04-4296700

<http://www.mpspk.gov.my/>
 <https://www.facebook.com/>
 <http://www.youtube.com/>
Majlis Perbandaran Sungai Petani
Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah

Buletin ini diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM & KORPORAT



12 Program Pengkomposan Sisa Baja Organik

ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan Yang Dipertua
- 03 Berita Ringkas
- 04 Pertukaran YDP
- 06 Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Penggal 2020-21
- 08 Lawatan YAB Menteri Besar Kedah ke Tanjung Dawai
- 10 Seminar Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah
- 12 Program Pengkomposan Sisa Baja Organik
- 14 Penyusunan Semula Gerai Pantai Merdeka

- 16 Skuad Sanitasi MPSPK Bahagian Inspektorat
- 17 Info Pandemik Covid-19
- 18 Ragam MPSPK



Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera!

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi MPSPK kerana berjaya menerbitkan buletin edisi 1/2020. Alhamdulillah kita masih lagi diberi peluang dan kesempatan dari-Nya walaupun kini kita masyarakat dunia sedang berhadapan dengan krisis pandemik virus COVID-19.

Sehingga kini, wabak COVID-19 telah pun merebak di 235 buah negara. Bersandarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh WHO (World Health Organisation) seramai **40,665,438** kes jangkitan yang disahkan positif di seluruh dunia.


Daripada jumlah ini, seramai **1,121,843** orang telah meninggal dunia. (sumber petikan data WHO bertarikh 21 Oktober 2020)

Pada 18 Mac 2020, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan** (PKP) diseluruh negara.

Berdasarkan situasi yang terjadi ketika itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah dapat membantu para petugas kesihatan kita mengawal penularan COVID-19 ke satu tahap yang agak stabil. Menurut unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, PKP yang dilaksanakan dalam tempoh hampir sebulan yang lalu telah sedikit sebanyak mengurangkan kebolehjangkitan.

Tindakan tegas terpaksa diambil oleh pihak berkuasa demi memastikan perintah larangan pergerakan ini dipatuhi dan tindakan ini mencapai hasil yang dihasratkan. Penularan virus ini masih di peringkat pertengahan dan memerlukan tindakan pencegahan serta kawalan yang berterusan. Penghargaan tertinggi diucapkan kepada semua petugas barisan hadapan dari pelbagai agensi sama ada swasta ataupun kerajaan yang berkorban masa dan tenaga bagi memastikan keselamatan negara kita terkawal.

Sekian, daripada saya dan terima kasih kepada semua warga kerja MPSPK.



Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin
AMK.,BCK.,ASK.,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani

INFO/TALIAN MPSPK

KEM PEN

JOM UPDATE

KINI PROSES KEMASKINI BUTIRAN PREMIS
MENJADI LEBIH MUDAH DENGAN
MENGGUNAKAN SISTEM JOM UPDATE

HADIAH MENARIK
MENANTI ANDA
“SO YANG BERTUAH”

JOM BERSAMA-SAMA
MENGEMASKINI
DATA CUKAI TAKSIRAN ANDA
&
BERPELUANG MEMENANGI
HADIAH MISTERI

IMBAS DISINI

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI

01 JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN 04-429 6770	06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN 04-429 6738
02 JABATAN KEWANGAN 04-429 6754	07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT 04-429 6774
03 JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA 04-429 6701	08 JABATAN LANSKAP & REKREASI 04-429 6787
04 JABATAN PERANCANG BANDAR 04-429 6652	09 JABATAN PENGUATKUASAAN 04-429 6780
05 JABATAN KEJURUTERAAN 04-429 6629	10 JABATAN BANGUNAN 04-429 6676

TERIMA KASIH
KEPADА PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN
CUKAI TAKSIRAN ANDA UNTUK TAHUN 2020

MAJLIS PELANCARAN PRODUK D'VASE DAN EKSA



29/07/2020

Laluan Auditorium, Aras 1 Menara MPSPK

Majlis pelancaran produk D'VASE dan pelaksanaan EKSA ini dianjurkan sebagai simbolik kepada permulaan pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di MPSPK serta dirasmikan oleh YDP Tuan Haji Syed Khairol Anuar Syed Abidin.

Pengenalan EKSA merupakan salah satu daripada inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan amalan 5s yang kini dijenamakan semula kepada nama baru iaitu EKSA.

Pelancaran Bulan Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang



28/07/2020

Wisma Darul Aman, Alor Setar

Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Kedah Tahun 2020 dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor selepas Perhimpunan Pagi Penjawat Awam bertempat di Dataran Wisma Darul Aman.

Majlis yang disertai oleh Ahliahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli DUN Kedah, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta Penjawat Awam pelbagai jabatan serta wakil-wakil anggota barisan hadapan ('frontliners') dimulakan dengan ucapan dari Menteri Besar Kedah dan disusuli dengan penyampaian bendera Jalur Gemilang kepada agensi-agensi yang hadir.

lanya selaras dengan usaha memperkuatkannya budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan penjawat awam.

Turut diperkenalkan kepada umum adalah produk D'VASE hasil inovasi Kumpulan KIK MPSPK yang bernama HYDRANGEA.

Produk ini berdasarkan kepada penjimatkan air ketika siraman tanaman pokok di tapak semaian. Produk ini telah pun dipatenkan pada 2018 di Perbandaran Harta Intelek Malaysia (MyIPO) cawangan utara.



Operasi Nyah Cemar dan Disinfeksi



30/03/2020

Sekitar Bandar Sungai Petani

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Majlis Perbandaran Sungai Petani telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Operasi Nyah Cemar dan Disinfeksi di beberapa kawasan pentadbiran Majlis.

Operasi ini turut melibatkan agensi-agensi yang berkaitan. Tumpuan diberikan di kawasan awam utama yang telah dikenal pasti.

Tujuan operasi ini sebagai tindakan pencegahan menangani pandemik Covid-19 yang kian menular. Antara agensi kerajaan terlibat adalah Bomba, PDRM, RELA, JPAM serta Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Muda.



PERTUKARAN YANG DIPERTUA



Kemasukan tahun baru 2020 dibuka dengan pertukaran Yang DiPertua Majlis Perbandaran Sungai Petani. Berkuatkuasa pada **14 Mei 2020**. Mantan Yang Di Pertua MPSPK Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa secara rasminya telah bertukar ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah dengan menjawat jawatan sebagai Pengarah.

Jawatan beliau digantikan oleh Tuan Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin yang sebelum ini menjawat jawatan Pegawai Daerah Pendang. Kepada peminat setia pasukan skuad bolasepak Kedah, nama Tuan Haji Syed Khairol Anuar cukup sinonim dengan jawatan Penolong Jurulatih saingan musim 2005 - 2012. Selain turut memegang jawatan Pengurus Pasukan Liga Super Kedah pada saingan musim 2018 - 2019.





MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS 2020-21

29/6/2020

Bilik Gerakan MPSPK, Aras 5

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sungai Petani telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Gerakan MPSPK. Seramai 18 orang Ahli Majlis telah dilantik bagi penggal 2020 - 21.

Hadir ke Majlis angkat sumpah ini adalah wakil Pegawai Daerah Kuala Muda Encik Rozaimie Abdul Rahim, Yang Dipertua MPSPK Tuan Haji Syed Khairul Anuar Syed Abidin dan Setiausaha MPSPK, Puan Sunita binti Aziz. Dr Robert Ling Kui Ee, EXCO Perumahan, Alam Sekitar, Perpaduan, Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam Kedah turut sama hadir menjadi saksi.



Proses mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua telah dijalankan secara berkumpulan dengan melibatkan dua orang melafaz ikrar sumpah bagi satu kumpulan.

Dalam melafazkan sumpah, Ahli Majlis telah menyatakan ikrar mereka untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat khususnya di kawasan/zon yang mereka wakili.

Seluruh warga MPSPK mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan Ahli Majlis yang baharu. Semoga dengan pelantikan barisan Ahli Majlis ini dapat melancarkan pentadbiran dan meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan MPSPK kepada warga bandar Sungai Petani.

Barisan Ahli-Ahli Majlis Penggal 2020 - 21
Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah



**Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin
Yang Dipertua**



**Hj. Rosli bin Hj Mat Rejab
Ahli Majlis Zon 1**



**Roshidi bin Saidin
Ahli Majlis Zon 2**



**Salmah bt Salleh
Ahli Majlis Zon 3**



**Dato' Cheng Soo Chye
Ahli Majlis Zon 4**



**Hj. Razali bin Othman
Ahli Majlis Zon 5**



**Juliana bt Abd Ghani
Ahli Majlis Zon 6**



**Tamil Selven A/L Muniandy
Ahli Majlis Zon 7**



**Azham Shah bin Azlan
Ahli Majlis Zon 8**



**Mohd Fuaz bin Mohd Yusof
Ahli Majlis Zon 9**



**Dr. Mohd Ali bin Sulaiman
Ahli Majlis Zon 10**



**Syaqirah bt Muin
Ahli Majlis Zon 11**



**Mohd Izham bin Mohd Shukri
Ahli Majlis Zon 12**



**Mostafa bin Abdul Hamid
Ahli Majlis Zon 13**



**Saifulazli bin Ahmad
Ahli Majlis Zon 14**



**Hapsoh bt Ahmad
Ahli Majlis Zon 15**



**Ahmad Fauzi bin Ramli
Ahli Majlis Zon 16**



**Mohd Yusof bin Omar
Ahli Majlis Zon 17**



**Mohamad bin Ismail
Ahli Majlis Zon 18**



LAWATAN YAB MB KEDAH KE TANJUNG DAWAI

15/7/2020

Sekitar Tanjung Dawai



Program Walkabout Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor ke Arked Peniaga Tanjung Dawai Daerah Kuala Muda berjalan lancar setelah selesai mempergerusikan mesyuarat ahli-ahli majlis kerajaan negeri Kedah di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda.

Sehubungan itu, beberapa program yang dihadiri oleh YAB Dato' Menteri Besar dan barisan EXCO Kedah telah diaturkan yang melibatkan beberapa lokasi sekitar Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka. Ketibaan YAB Menteri Besar dan EXCO disambut oleh Ahli Majlis, Ka-kitangan Majlis Daerah dan Pejabat Tanah dan MPSPK serta penduduk tempatan.

Program ini adalah kunjungan rasmi pertama YAB Menteri Besar Kedah ke Tanjung Dawai. Lokasi pertama adalah beramah mesra bersama peniaga-peniaga di Arked Tanjung Dawai disamping membuat beberapa pembelian hasil laut. Tidak ketinggalan adalah mendengar beberapa keluh resah masalah peniaga dan rakyat setempat. Sempat juga rombongan lawatan ini menyeberang jalan laut berkunjung ke Pantai Merdeka Beach Resort untuk meninjau keadaan di sana.

Program ini bertujuan merapatkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat dan meninjau lebih dekat permasalahan rakyat di Daerah Kuala Muda.





1. Timbalan Setiausaha (Pembangunan) YBhg. Dato' Haji Norizan Bin Khazali bersama YDP Tuan Haji Syed Khairol Anuar Syed Abidin dan YAB Menteri Besar Kedah Muhammad Sanusi Md. Nor membuat peninjauan di pesisir pantai Kampung Huma.

2. Lawatan ramah mesra ke Arked Tanjung Dawai tidak sah jika tidak membuat beberapa pembelian hasil laut.

3. Penerangan teliti oleh Timbalan Setiausaha (Pembangunan) YBhg. Dato' Haji Norizan Bin Khazali kepada YAB Menteri Besar akan perancangan masa hadapan pembangunan Kampung Huma di Kampung Tanjung Dawai.



SEMINAR AHLI MAJLIS PBT NEGERI KEDAH

19-21 Julai 2020 | Aloft Langkawi, Pantai Tengah

Anjuran :
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Dengan Kerjasama :
INSTITUT PENGURUSAN DAN INTEGRITI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
DAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN



SEMINAR AHLI MAJLIS PBT NEGERI KEDAH

19 - 21/7/2020

Aloft, Pantai Tengah, Langkawi.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Bahagian Kerajaan Tempatan, telah mengadakan satu Seminar Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah bagi Penggal 2020-2021 yang melibatkan 12 daerah dengan kehadiran seramai 210 orang Ahli Majlis lantikan politik di Pulau Langkawi.

Pengisian seminar tersebut terdiri daripada 6 sesi pembentangan yang menyentuh tentang cabaran memerangi rasuah, melestari budaya integriti, Dasar Kebersihan Negara, pelan pembangunan Negeri Kedah dan pengurusan kewangan dan hasil PBT serta forum tentang Strategi Pemulihan Ekonomi PBT Pasca COVID-19.



Hadir sama memberi taklimat peranan dan tugas Ahli Majlis, Ketua Cawangan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Encik Izham Ismail dan Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Dasar dan Strategik), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Puan Sharfeyney Sazali.



Pelancaran Sistem OSC 3.0 Plus Online juga diselitkan di dalam seminar tersebut, dimana ia digunakan oleh 4 PBT iaitu MPLBP, MP Kubang Pasu, MP Kulim dan MP Sungai Petani yang telah disempurnakan dalam satu majlis perasmian penutup seminar oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Hayati bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman.



1. Barisan Yang DiPertua PBT Kedah yang menerima sijil penyertaan dari Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Hayati bin Othman. Tidak ketinggalan memberikan pose menarik di atas pentas.
2. Yang Di Pertua MPSPK Tuan Haji Syed Khairol Anuar turut diundang sebagai salah seorang Ahli Panel di Forum yang bertajuk Strategi Pemulihan Ekonomi PBT Pasca Covid-19.
3. Ahli - ahli Majlis MPSPK tidak ketinggalan merakamkan gambar di reruai Hotel Aloft Pantai Tengah Langkawi untuk kenang - kenangan.



PROGRAM PENGKOMPOSAN SISA BAJA ORGANIK

12/8/2020

Perkarangan Wisma MPSPK

Selaras dengan nama Sungai Petani Bandar Berdaya Huni, terdapat beberapa inisiatif dan inovasi terkini pihak-MPSPK bagi merealisasikan slogan ini. Antaranya adalah usaha pembuatan baja kompos untuk dijual kepada umum dengan harga yang berpatutan.

Program yang diusahakan oleh Bahagian Inspektorat ini bermula pada jam 9.00 pagi sehingga tengah hari. Terbuka kepada umum, turut hadir adalah Yang Dipertua MPSPK, Tuan Haji Syed Khairol Anuar Syed Abidin, Setiausaha MPSPK, Puan Sunita Aziz dan Presiden CUE-PACS, Encik Adnan Mat.



Baja Kompos merupakan baja yang terhasil apabila bahan organik mereput dan terurai kepada bahan yang kaya dengan nutrien (humus) melalui haba dan proses respirasi yang terjadi oleh organisme tanah seperti bakteria, cacing dan kulat. Kaedah pengkomposan yang dilakukan adalah kaedah timbunan/terbuka di kawasan yang terlindung. Ianya mengambil masa selama 2-3 bulan untuk menghasilkan sebanyak 2,000kg.

Sumber utama baja kompos ini adalah sisa tanaman, sisa makanan dan najis ternakan. Proses pengkomposan dilaksanakan secara kecilan pada tahun 2016 dan mula aktif pada tahun 2019.

Baja kompos yang terhasil telah diguna pakai di semua tanaman landskap serta pokok-pokok selenggaraan MPSPK. Harga pasaran untuk satu paket seberat 4kg adalah RM6.



1. Antara hasil tanaman serta benih-benih yang boleh dibeli ketika hari jualan yang terbuka kepada masyarakat umum.
2. Setiausaha MPSPK Puan Sunita, ditemubual oleh pihak media tempatan berkenaan produk terbaru Baja Kompos keluaran Bahagian Inspektorat.
3. Jualan Baja Kompos ini mendapat sambutan hangat dari orang ramai. Tidak ketinggalan ada beberapa pihak media yang turut berminat membuat pembelian. Terima kasih diucapkan.



PENYUSUNAN SEMULA GERAI PANTAI MERDEKA



Pantai Merdeka adalah salah satu tempat pelancongan popular di negeri Kedah yang terletak di Daerah Kuala Muda. Pantai ini merupakan lokasi percutian pelancong dan tempat menarik yang menjadi tumpuan penduduk di sekitar Daerah Kuala Muda terutamanya pada hujung minggu.

Isu utama di Pantai Merdeka pada masa kini adalah kawasan pantai yang terhad dan ruang-ruang niaga serta gerai yang tidak terurus di kawasan pinggir pantai. Sebahagian besar gerai-gerai ini diusahakan oleh pihak Koperasi Peniaga-Peniaga Kecil Pantai Merdeka Kedah Berhad dan Persatuan Bot Penambang Pantai Merdeka serta individu persendirian.

Berkuatkuasa 15 September 2020, semua peniaga-peniaga di tapak lama telah pun mula berpindah ke lokasi baharu yang disediakan. Seramai 59 orang peniaga yang terlibat di dalam proses pemindahan ini. Pecahan data menunjukkan seramai 46 orang peniaga barang kering dan 13 orang peniaga makanan dan minuman.

Penempatan semula peniaga-peniaga terlibat berjalan dengan lancar dengan kerjasama yang baik di antara para peniaga dan jabatan dalaman MPSPK serta agensi luar yang terlibat.

Harapan dari pihak MPSPK agar semua penjaja dapat mematuhi syarat yang ditetapkan termasuk tidak meninggalkan sebarang peralatan di tapak perniagaan, membina sebarang binaan atau struktur di tapak yang disediakan.





*Fotografi Drone: Mohd Ruzaimi Omar



*Fotografi Drone: Mohd Ruzaimi Omar

FAKTA

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mempunyai cadangan Projek Pemuliharaan Pantai Merdeka, dengan kos sebanyak RM 12 juta di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi mengindahkan kawasan Pantai Merdeka. Antara komponen pembangunan adalah seperti berikut:

kerja - kerja pemuliharaan Pantai Merdeka iaitu:

1. Penambakan pasir pantai yang terhakis.
2. Pembinaan semula kawasan pantai di Pantai Merdeka.
3. Pembinaan jeti bot penambang.





SKUAD SANITASI JAB. KESIHATAN PERSEKITARAN



Norma baharu. Proses pencegahan wabak pandemik Covid-19 yang semakin menular adalah penting sebagai persediaan dan antara prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan. Tertubuhnya skuad sanitasi MPSPK ini selari dengan arahan KPKT dalam melaksanakan Operasi Sanitasi Awam di lokasi yang dikategorikan sebagai hotspot.


Hal ini penting dalam usaha mencegah wabak Covid-19 semasa menguruskan kehidupan sehari-hari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa pada awal Mac - Mei. Operasi ini dijalankan dengan kaedah secara misting menggunakan mesin Mist Blower dan mesin semburan(Hudson Spray-er).

Bancuhan cecair peluntur dan antiseptik digunakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu dengan nisbah 1:9 dan 1:19.

Kaedah disinfeksi yang dilaksanakan selari dengan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Dibawah adalah senarai nama kakitangan Bahagian Kesihatan Am yang terpilih menganggotai skuad sanitasi ini:

FATIN ADIBAH BINTI RUSLAN
MOHD FADZIL BIN MOHD HALIM
AB. RAZAK BIN CHE DON
ZAINOL BIN JAAFAR
AZME BIN HAMID
ZAMRI BIN YUSOF
ANUAR BIN MUSTAFA
AHMAD SHUKARI BIN TALIB
MUHAMMAD BIN JAAFAR
MOHD. ARIF BIN ABDUL RAHIM
JAMIL BIN RAZALI
ROSLAL BIN SAWAL
SUTHAGARAN A/L JAYARAMAN
SAFIEE BIN YUSOF

Komuniti diminta memberikan kerjasama menjaga kebersihan kawasan masing-masing agar dapat membendung wabak ini menular. Bersama kita putuskan rantaian Covid-19.



3

1. Isti rahat sebentar setelah sehari bertungkus lumus memastikan segala objektif sanitasi tercapai.

2. Frontliners dari Bahagian Kesihatan Am yang tidak pernah kenal penat lelah di dalam menunaikan tanggungjawab.

3. Operasi sanitasi turut melibatkan kawasan tumpuan awam seperti Pasaraya besar seperti Tesco Utara/Selatan dan Pasaraya Billion.

APA ITU COVID-19?



- Novel Coronavirus (CoV) yang bermula di Wuhan dinamakan sebagai COVID-19.
- Coronavirus adalah salah satu famili virus yang lazimnya menjangkiti saluran pernafasan.
- Novel Coronavirus pula merujuk kepada spesis baru virus dalam famili coronavirus yang belum pernah ditemui oleh manusia.
- Virus ini boleh merebak sesama haiwan dan manusia.
- Jangkitan virus ini adalah sama seperti jangkitan strain selsema yang lain (MERS-CoV) & (SARS-CoV) dan komplikasi lebih teruk pada golongan lemah imunisasi badan.

JANGKITAN

Penularan Covid-19 hanya melalui mucus yang mengandungi titisan salur pernafasan (droplets) yang dijangkiti oleh novel-coronavirus di antara haiwan dan manusia semasa bercakap, bersin atau batuk. (Sumber : WHO)



TANDA-TANDA PENYAKIT SELSEMA
(HIDUNG TERSUMBAT, GATAL KERONGKONG)

DEMAM PANAS



KESUKARAN BERNAFAS



BATUK



Untuk maklumat terkini berkenaan SOP yang dirangkakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sila hubungi no. Hotline: 03 8888 2010 atau emel: covid19.mkn@1govuc.gov.my

PENCEGAHAN

Jangan ambil mudah. Tanggungjawab kita bersama. Pastikan anda mengambil langkah-langkah pencegahan wabak Covid-19 daripada merebak.



SENTIASA AMALKAN PENJARAKAN SOSIAL.

KERAP MENCUCI TANGAN DENGAN AIR & SABUN ATAU SANITIZER.



TUTUP MULUT DAN HIDUNG DENGAN TISU APABILA BATUK ATAU BERSIN. BASUH TANGAN SERTA MERTA.



AMALKAN PEMAKAIAN PENUTUP MUKA DAN HIDUNG.



SEGERA MEMBUAT PEMERIKSAAN KESIHATAN DI HOSPITAL SEKIRANYA TIDAK SIHAT DAN BERGEJALA.



ELAKKAN BERKUNJUNG KE LOKASI YANG MENJADI TUMPUAN ORANG RAMAI.



Ragam

MPSPK

IKON KUALA MUDA



JETI TANJUNG DAWAI

- Terletak kira-kira 30km arah barat laut dari bandar Sungai Petani.
- Jeti ini merupakan jalan penghubung laut utama ke Pantai Merdeka dengan harga tiket bernilai RM5 untuk satu perjalanan.
- Pelbagai variasi hasil laut boleh diperoleh disini antaranya adalah: Ikan Gelama, Ikan Bilis, Belacan, Sotong Kering dll.



Presiden CUEPACS, YDP dan Setiausaha MPSPK bergambar kenangan bersama YAB MB Negeri Kedah Darul Aman, Tuan Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor.

2. Warga kerja MPSPK dari JPM kelihatan tekun membungkus topeng pelitup muka untuk diagihkan kepada masyarakat penduduk setempat.

3. Yang DiPertua MPSPK, Tuan Haji Syed Khairol Anuar di temubual oleh pihak media Astro Awani. Turut menemani adalah Encik Mohd Amin (Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat) dan Encik Mohd Zahir (Jabatan Kejuruteraan)

4. Kelihatan Yang DiPertua, Tuan Haji Syed Khairol Anuar dan Haji Ayob Din (Ketua Jabatan Kesihatan Persekutaran) mencuba teknologi basikal terkini keluaran Syarikat Voltron

1. Encik Mohd Izham, ahli majlis MPSPK sedang mencuba sistem canggih imbasan muka dan suhu badan TM ONE PASS pada pintu utama dewan di Hotel Aloft, Pantai Tengah, Langkawi.

Info Direktori

Sekitar Sungai Petani

Jabatan Alam Sekitar (JAS)	044235633
Jabatan Kerja Raya (JKR)	044214040/42
Jabatan Pengairan & Saliran	044212209
Jabatan Pendaftaran Negara	044216391
Jabatan Penerangan	044211621
Jabatan Bekalan Air	044210848
Pejabat Daerah	044211963
Pejabat Tanah	044212122
IPD Daerah Kuala Muda	044236999
Aduan Jabatan Kerja Air	044217606
Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang)	042636893
Jab. Pertahanan Awam (JPAM)	044233193
Bomba Sungai Petani	044214444



Jualan Hasil Laut Tempatan, Arked Tanjung Dawai.

MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Sungai Petani Municipal Council
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700
Fax | 604-429 6655
Web | www.mpspk.gov.my
Email | admin@mpsck.gov.my

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"

© Hakcipta Terpelihara 2020 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbit semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberoni kepada sumber berkenaan dan senasihah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran berulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.